

# “Healing Garden” sebagai Asas Mereka Bentuk Landskap Masa Kini

Intan Khasumarlina binti Mohd Khalid  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

## Abstrak

Kertas kerja ini memfokuskan kepada hubungan landskap dan kesihatan yang memerlukan perancangan yang terperinci. Rasa penyembuhan dapat dicipta menerusi gabungan “*softscape*” (alam semula jadi) dan “*hardscape*” (alam buatan). *Healing Garden* atau Taman Penyembuhan adalah satu perancangan landskap bertujuan meringankan tekanan di tempat kerja, di jalanan dan di rumah. Taman penyembuhan menyentuh lima deria penglihatan, pendengaran, rasa, sentuhan dan bau.

**Kata kunci** *Healing Garden*, landskap, konsep reka bentuk.

## Abstract

*This paper focuses on the relationship between landscape and health that requires much planning. The healing feeling can be achieved by combining “softscape” (nature) and “hardscape” (man-made). The healing garden is a new concept in landscape planning meant to reduce stress endured in the workplace, while travelling, and at home. The healing garden touches all five senses: sight, sound, taste, touch, and smell.*

**Keywords** *healing garden, landscape, design concept*

## PENDAHULUAN

### Tanya sama pokok

Tanya sama pokok apa sebab goyang,  
Nanti jawab pokok angin yang goncang,  
Tanya sama langit apa sebab hujan,  
Nanti jawab langit tanyalah awan.  
Awan nanti kata aku kandung air,  
Sampai tempat sejuk aku pun cair,  
Tengok dalam air nampak bayang-bayang,

Campak satu batu bayang pun hilang.  
Tanya sama hati apa rasa sayang,  
Adakah tandanya nampak dipandang,  
Kumbang rayu bunga bulan dan bintangnya,  
Punya tanda-tanda hubungan mesra.

Pokok, langit, angin, air, batu, bunga, bulan, bintang dan kumbang adalah subjek utama dalam lirik lagu ini. Elemen pokok menjadi watak utama dalam mengaitkannya dengan elemen alam semula jadi. Perkaitan yang kuat antara pokok, angin, langit, air, batu, bunga, bulan, bintang dan kumbang menjadikan lirik lagu ini sempurna dalam menggambarkan pemandangan yang indah.

Pemandangan yang indah bukan hanya menjadi sumber inspirasi kepada penulis lirik lagu malah ianya menjadi asas kepada arkitek landskap menentukan konsep dalam mereka bentuk landskap. Konsep dalam reka bentuk landskap adalah salah satu peringkat terpenting kerana pelan konsep umpama nadi dalam mereka bentuk landskap. Pelan konsep dirujuk sebagai tema bagi menyatakan dan menentukan tujuan mereka bentuk. Ia sebagai asas dalam menentukan apa yang diharapkan dalam mereka bentuk sesuatu lokasi kajian.<sup>2</sup>

Bagi arkitek landskap pula, pelan konsep diertikan sebagai peringkat pertimbangan idea untuk disampaikan menerusi lakaran visual. Idea pelan konsep ini terhasil daripada penyelidikan terhadap tapak kajian dan cadangan serta kehendak daripada pelanggan atau klien. Lakaran dalam pelan konsep di persembahkan menerusi imej dan identiti yang baru setelah menggabungkan elemen bentuk, warna, tekstur, pengurusan dan imej baru yang akhirnya mencipta watak bagi tapak tersebut.

### “Healing Garden”

‘*Heal*’ bermaksud menyembuhkan atau memperbaiki. ‘*Healing*’ pula adalah satu perlakuan atau proses bagaimana sesuatu disembuhkan atau diperbaiki, ia juga membawa maksud kekuatan untuk menyembuhkan.

Aktiviti penyembuhan lazimnya dikaitkan dengan “kesihatan” dan “kesejahteraan” yang sentiasa menjadi petunjuk bagi kualiti hidup manusia manakala kualiti hidup boleh dilihat sebagai kaedah untuk mengukur tahap kemantapan satu komuniti.<sup>3</sup> Ini jelas menunjukkan bahawa elemen penyembuhan adalah salah satu perkara penting yang menjadi kunci kepada reka bentuk landskap masa kini. Kesihatan adalah aspek penting dan matlamat yang ingin dicapai dalam sesuatu kehidupan. Sehubungan dengan itu, penyembuhan dalam konteks ini boleh dikaitkan dengan reka bentuk yang mampu menyentuh lima deria manusia iaitu deria sentuhan, deria bau, deria rasa, deria pendengaran dan deria mata.

‘*Healing garden*’ atau taman penyembuhan dalam bahasa Melayu adalah salah satu konsep yang diguna pakai oleh pereka bentuk landskap masa kini kerana elemen penyembuhan mampu memberikan rasa ketenangan kepada manusia sekali gus merungkaikan tekanan dan ketegangan dalam menghadapi permasalahan kehidupan.

Istilah taman penyembuhan atau ‘*healing garden*’ sering digunakan untuk kawasan hijau di hospital-hospital dan kemudahan kesihatan yang lain bertujuan

untuk meningkatkan kesihatan para pesakitnya. Taman-taman ini bertujuan untuk menyediakan tempat perlindungan dan menggalakkan penyembuhan kepada pesakit, keluarga dan kakitangan dalam persekitaran hospital.<sup>4</sup> Ini jelas menunjukkan bahawa kepentingan fungsi sesuatu taman itu memberikan kesan positif dalam menyembuhkan minda pesakit. Ini adalah kerana, penyembuhan memberikan bantuan daripada gejala-gejala pengurangan tekanan. 'Healing Garden' atau taman penyembuhan adalah berbeza jika dibandingkan dengan landskap terapeutik yang juga merupakan satu lagi istilah yang digunakan dalam penjagaan kesihatan. Landskap terapeutik atau taman terapeutik direka khas untuk memenuhi keperluan kepada populasi pesakit tertentu. Walau bagaimanapun, taman penyembuhan, secara amnya bertujuan untuk penglibatan yang lebih pasif dan direka untuk memberi faedah kepada penduduk yang pelbagai dengan keperluan yang berbeza.

"Healing Garden" secara amnya bukanlah berfungsi sebagai satu taman yang boleh menyembuhkan manusia tetapi, manfaat yang berkaitan dengannya lebih kepada usaha mengurangkan tekanan dan kebolehan ruang untuk melegakan, menenangkan, untuk memberi nafas baru atau untuk memulihkan kesihatan mental dan emosi individu.<sup>5</sup> Sebuah taman penyembuhan dapat mengembalikan keseimbangan semula jadi pada manusia supaya mereka tidak merasa tekanan dan tekanan yang lain.

Taman secara umumnya, digambarkan sebagai syurga di mana manusia memperoleh dan melarikan diri daripada tekanan harian dunia luar. Secara tidak langsung, pada tahap tertentu, semua taman mempunyai kesan penyembuhan.<sup>6</sup> Justeru itu, jelas menunjukkan bahawa peranan taman penyembuhan ini sebagai satu elemen mengurangkan tekanan pada awalnya dan berkembang ke negara luar sehingga ke hari ini.

## **Deria sentuhan, bau, rasa, pendengaran dan penglihatan dalam "Healing Garden"**

Taman hijau sering kali dilihat sebagai satu landskap biasa yang tiada bezanya dengan taman yang lain. Walau bagaimanapun, bagi individu yang menghargai keunikan alam semula jadi, taman diolah dan di reka bentuk untuk memberikan fungsi yang berbeza daripada biasa. Reka bentuk sesuatu taman itu amat memberikan manfaat kepada manusia jika ianya dapat meninggalkan kesan yang mendalam tidak hanya dari segi pandangan mata malahan rasa, sentuhan, pendengaran dan bau. Justeru itu, pembinaan taman masa kini banyak menitikberatkan faktor ini sebagai satu bonus kepada para pengunjung sekali gus memberikan keselesaan dalam pembinaan taman tersebut.

### **1. Deria sentuhan dalam "Healing Garden"**

Deria sentuhan adalah deria yang menghantar maklumat tentang apa yang dirasakan setelah menyentuh sesuatu objek. Ia membabitkan sentuhan tumbuhan yang secara tidak langsung memberikan ketenangan sepanjang masa. Tumbuhan yang dapat memberikan deria sentuhan yang berbeza memberikan satu rasa bagaikan terapi semula jadi.<sup>7</sup> Walau bagaimanapun, pereka bentuk landskap perlu memastikan tumbuhan yang ditanam tidak membahayakan kerana

pembinaan sesuatu taman perlu mengambil berat tentang kategori individu yang bakal menggunakan taman tersebut termasuklah tahap umur pengguna. Justeru, adalah penting jika jenis pokok, rumput dan kesesuaian konsep serta reka bentuk difikirkan sebelum membuat keputusan menanam elemen tumbuh-tumbuhan bagi memberikan kesan sentuhan yang berbeza dalam pembinaan taman.

Memilih jenis tumbuhan yang berbunga adalah salah satu kaedah bagi menimbulkan deria sentuhan kepada pengguna taman. Di Malaysia terdapat beribu jenis tumbuhan berbunga yang dapat memberikan kesan deria sentuhan. Walau bagaimanapun, sebagai pereka bentuk landskap, adalah penting untuk menyelidik dan mengetahui jenis tumbuhan berbunga yang bakal ditanam di kawasan taman kerana adakalanya bunga dari tanaman hiasan ini mempunyai getah yang boleh meracuni kepada sesiapa yang menyentuhnya. Sebagai pereka bentuk landskap, pengetahuan mendalam mengenai jenis dan spesies pokok adalah menjadi satu syarat dalam pengajian seni bina landskap yang selari dengan definisi reka bentuk landskap iaitu suatu disiplin yang menggabungkan seni dengan sains untuk menyelesaikan isu-isu dalam alam semula jadi dan alam bina.<sup>8</sup>

Selain daripada itu, deria sentuhan dapat memberikan pengetahuan daripada aspek pembelajaran dan mengenali benda baru khususnya kanak-kanak. Walau bagaimanapun, aspek keselamatan perlu dititikberatkan bagi mengelakkan berlaku kecederaan semasa mereka berjalan tanpa kasut di atas rumput atau pasir yang dapat memberikan sentuhan semula jadi kerana sebagai pereka bentuk landskap, ini adalah satu aspek penting jika ingin memberikan satu deria sentuhan yang berbeza dengan elemen tumbuhan. Justeru, penyenggaraan tanaman adalah penting dalam memastikan rumput berkenaan selamat untuk dipijak tanpa kasut bagi mengelakkan terpijak benda tajam.



**Rajah 6.1** Elemen pokok yang pelbagai spesies dapat memberikan deria sentuhan yang berbeza bagi pengguna taman.

## 2. Deria bau dalam "Healing Garden"

Deria bau memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam membangunkan taman penyembuhan. Walaupun aspek ini tidak dapat dilihat, tetapi kesan bau yang dihasilkan mampu memberikan ketenangan dan rasa yang berbeza dalam membina taman penyembuhan. Ini secara tidak langsung dapat menimbulkan rasa ingin tahu untuk menerokai taman berkenaan.



**Rajah 6.2** Pelbagai spesies tumbuhan berbunga yang dapat memberikan kesan kepelbagaian bau.

Selain daripada itu, tumbuhan herba yang mengeluarkan bau pada daunnya juga menjadi salah satu cara untuk menimbulkan kesan deria bau. Ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan jenis tumbuhan herba kepada generasi muda sekali gus dapat memperkenalkan tanaman herba Malaysia di luar negara. Pokok bunga ros, kemboja, kesidang dan mawar antara tanaman yang mengeluarkan haruman dan amat sesuai menyerikan taman tanpa mengira keluasan.

## 3. Deria rasa dalam "Healing Garden"

Deria rasa dalam taman penyembuhan adalah salah satu aspek yang dapat memberikan satu rasa keseronokan kepada seseorang individu. Deria rasa adalah salah satu deria yang menggunakan lidah sebagai organ yang dapat mengesan rasa. Terdapat empat jenis tunas rasa yang dapat diperoleh oleh lidah iaitu, rasa pahit, manis, masam dan masin. Justeru itu, kepentingan taman penyembuhan dalam melibatkan deria ini adalah menjadi salah satu elemen penting dalam menimbulkan rasa ingin tahu pengguna taman sekali gus memperkenalkan jenis tanaman herba yang mampu dirasa dengan lidah dan memanfaatkannya dalam perubatan tradisional. Ini bersesuaian dengan konsep taman penyembuhan atau "Healing Garden" sebagai taman yang



tidak hanya boleh menyembuhkan seseorang malah berusaha mengurangkan tekanan dan kebolehan ruang untuk melegakan, menenangkan, dan memberi nafas baru atau untuk memulihkan kesihatan mental dan emosi seseorang.<sup>9</sup>

Lazimnya, tanaman yang sering digunakan ialah tanaman yang mempunyai pucuk boleh makan seperti gajus dan menghasilkan buah seperti pisang dan kedondong. Begitu juga dengan suasananya yang bercirikan terapi boleh dimanfaatkan apabila taman membabitkan aktiviti memetik buah dan makan sambil bersantai. Pokok-pokok herba yang popular dan agak besar adalah seperti limau kasturi, pokok kari dan serai. Ada juga tanaman baru yang mula popular seperti epal Vietnam dan ceri Siam. Kedua-dua tanaman ini mempunyai buah dan pasti akan menjadi kegemaran anak-anak. Ini secara tidak langsung dapat memberikan manfaat besar kepada pengguna untuk menggunakan pokok tersebut bagi kegunaan harian. Selain daripada itu, taman ini juga boleh dijadikan lokasi berkelah dengan keluarga memandangkan terdapat beberapa tumbuhan yang boleh dipetik dan dimakan.



Rajah 6.3 Tanaman hiasan yang boleh dimakan.

#### 4. Deria pendengaran dalam “*Healing Garden*”

Deria pendengaran adalah salah satu jenis deria yang dapat memberikan rasa ketenangan kepada bunyian yang didengar. Beberapa elemen yang mampu memberikan kesan bunyi adalah air pancut, kolam, berfungsi yang boleh mengeluarkan bunyi, menara jam dan bunyian semula jadi daripada haiwan seperti burung-burung. Unsur air mempunyai kuasa paling kuat kerana mampu merangsang pendengaran dan memberi ketenangan jiwa kepada seisi keluarga. Ia penting sebagai pendingin aktif dalam menyederhanakan kawasan persekitaran dan mengilhamkan kedamaian semula jadi. Begitu juga dengan bunyi daripada burung-burung yang hinggap di pokok. Suasana bunyian burung dapat mengembalikan nostalgia di kawasan perkampungan sekali gus dapat memberikan rasa ketenangan jiwa.



**Rajah 6.4** Kolam air berpancuran begitu sinonim di kawasan taman.

Hembusan angin yang kuat akan memberikan satu bunyi yang unik jika dedaun dari pelbagai spesies pokok tersebut berlanggaran sesama pokok dan akhirnya dapat menimbulkan satu suasana yang berbeza. Justeru, adalah penting jika kepelbagaian jenis spesies pokok disatukan di dalam reka bentuk tanaman bagi mewujudkan keanekaan rupa, tekstur dan warna sekali gus dapat menyatukan sekumpulan pokok ini bagi menghasilkan bunyi apabila angin bertiup. Ini jelasnya dapat memperlihatkan bahawa kesatuan kesemua elemen deria ini bakal membina satu taman yang lengkap bagi memenuhi keperluan penyembuhan seseorang individu.

## 5. Deria penglihatan dalam “*Healing Garden*”

Landskap lembut dan kejur berupaya merangsang deria pandang khususnya warna kerana memberikan daya tarikan tersendiri serta memberikan tindak balas emosi. Kehijauan warna tumbuhan dapat memberikan kesan ketenangan kepada sesiapa yang memandangi. Bagi mewujudkan taman yang mampu menyembuhkan minda dan tekanan, ketelitian dalam memilih elemen landskap lembut perlu diberi perhatian supaya keindahan taman yang dicipta kelihatan semula jadi. Hijau adalah lambang alam. Ia menunjukkan pokok-pokok dan tumbuhan. Ia menggambarkan isi kandungan dunia. Ia juga selalu menggambarkan sistem alam semula jadi. Bila kita sebut warna hijau, kita akan mudah dibawa oleh gambaran hutan, tumbuh-tumbuhan dan juga air terjun.

Selain daripada itu, konsep keanekaan dalam reka bentuk pelan penanaman sesuatu taman memberikan peranan penting dalam pembinaan satu taman. Sebagai contoh, kepelbagaian spesies tumbuhan berbunga di satukan begitu juga dengan tumbuhan pelbagai saiz disatukan dalam sesuatu bentuk “*form*” bagi merealisasikan konsep taman tersebut. Ini secara tidak langsung dapat mewujudkan satu kesan yang cantik daripada pandangan mata. Dengan menyatukan kepelbagaian saiz pokok maka ini akan mewujudkan ‘*hierarki of*

*plant* yang dapat memberikan satu gambaran keindahan di sudut pandangan mata. Watak sesuatu taman itu mula berubah di waktu malam apabila cahaya daripada lampu taman dipancarkan. Lampu taman yang terdiri daripada pelbagai saiz iaitu antaranya lampu yang tingginya 1 meter sehinggalah lampu pancaran terus "*spotlight*" yang diletakkan di sebalik rimbunan pokok, mampu memberikan wajah baru sesuatu kawasan taman pada waktu malam.



**Rajah 6.5** Pemilihan pelbagai saiz pokok dan jenis menjadi satu tarikan daripada segi warna dan tekstur kepada sesuatu taman.



**Rajah 6.6** Kesan cahaya lampu pada taman dapat memberikan watak yang berbeza.

Tanaman jenis berstruktur vertikal dan kanopi digabungkan bagi menyerlahkan fungsinya sebagai pokok teduhan dicadangkan bagi memberikan kesan teduhan. Beberapa jenis pokok yang dikategorikan sebagai tanaman '*vertical*' dan berdaun runcing iaitu pokok palma dan buluh. Gabungan pokok ini



dalam lanskap taman penyembuhan dapat memberikan kesan yang berbeza dari sudut pandangan mata. Apabila tanaman jenis berbunga putih dan harum seperti pokok jasmine digabungkan dalam tumbuhan reka sesuatu taman, ia mampu memberikan kesan suasana santai ala resort kepada taman. Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan bahawa, pembinaan sesuatu taman bagi mewujudkan elemen penyembuhan tergantung pada perancangan awal pereka bentuk landskap yang bijak menyatukan elemen tumbuhan dan binaan yang dapat menyentuh lima deria manusia sekali gus memberikan satu rasa ketenangan, kelapangan kepada ruang yang dilihat dan kepelbagaian suasana yang bertukar mengikut keadaan cuaca alam semula jadi yang dapat membangkitkan nostalgia pada setiap individu.

### **Prinsip dalam "Healing Garden"**

Taman penyembuhan merupakan satu landskap yang mampu menyokong kesihatan manusia dan membina kesejahteraan manusia menerusi elemen dengan cara menetapkan objektif melalui keupayaan mereka bentuk dan akhirnya membina taman penyembuhan atau 'Healing Garden'.<sup>10</sup> Sehubungan dengan itu, beberapa prinsip taman penyembuhan atau "Healing Garden" dikenal pasti iaitu:

#### **1. Prinsip dimensi alam sekitar**

Pembinaan taman penyembuhan perlu mengekalkan ciri-ciri asas tapak.<sup>11</sup> Ini adalah penting bagi memelihara sejarah awal tapak dan menjadi asas dalam mereka bentuk taman tersebut supaya identitinya tidak hilang. Prinsip dimensi alam sekitar ini menyediakan elemen yang dapat memberikan kelegaan daripada tekanan alam sekitar. Ini merangkumi aspek gabungan elemen binaan dan tumbuhan yang dapat memberikan konsep baru dalam mencipta aktiviti yang bersesuaian dengan tema. Selain daripada itu, aktiviti yang dicipta oleh pereka bentuk landskap perlu bertepatan dengan konsep yang boleh menyembuhkan dan menyokong persekitaran tempatan. Cadangan aktiviti dalam reka bentuk landskap adalah cadangan perkara yang boleh dilakukan di dalam setiap bahagian tapak kajian. Prinsip dimensi alam sekitar ini menggalakkan hidupan liar dicadangkan di dalam taman. Walau bagaimanapun ia perlulah bersesuaian dengan tema dan aktiviti yang di cadangkan oleh pereka bentuk landskap. Sebagai contoh: terdapat sebahagian tempat dibangunkan sebagai kawasan taman merak. Begitu juga kawasan tumpuan pengunjung menyediakan dataran untuk burung merpati terbang dan hinggap mencari makan di lapangan tersebut. Ini secara tidak langsung dapat menimbulkan kesan semula jadi kepada pengguna taman berkenaan. Apabila penyatuan alam fauna dan flora dalam prinsip dimensi alam sekitar ini direalisasikan, secara tidak langsung ia dapat mengukuhkan kitaran hidup alam fauna menjadi lengkap dan ia terpelihara. Justeru itu, pembinaan taman penyembuhan mengikut prinsip ini tidak hanya dapat menyelamatkan manusia malah ia dapat memelihara habitat alam fauna.

Elemen air mempunyai kuasa penyembuhan yang tersendiri dalam memberikan kesan penyembuhan.<sup>12</sup> Bunyian yang datangnya daripada elemen air menjadikan sesuatu tempat itu bertukar ‘mood’ dan secara tidak langsung dapat menimbulkan suasana yang menenangkan fikiran. Lazimnya, elemen air ini digabungkan dengan elemen buatan manusia seperti kolam buatan manusia atau arca air jika lokasi kajian tidak mempunyai sumber air semula jadi. Walau bagaimanapun, ia menjadi satu ‘bonus’ pada kawasan dan taman tersebut jika elemen air semula jadi telah wujud.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa, prinsip dimensi alam sekitar ini merangkumi aspek-aspek yang dapat menggalakkan rasa hormat dan sokongan kepada alam semula jadi.<sup>13</sup> Prinsip ini menyetengahkan penggunaan tumbuh-tumbuhan sebagai ejen utama dalam menyebarkan kuasa penyembuhan menerusi bahan-bahan hijau.

## 2. Prinsip dimensi sosio-budaya

Prinsip dimensi sosio-budaya adalah aspek kedua dalam pembinaan taman penyembuhan. Prinsip ini lebih menekankan makna tersirat di dalam setiap cadangan aktiviti dan elemen binaan serta elemen tumbuhan yang dibina. Setiap aktiviti yang di cadangkan dapat memberikan ketenangan, keamanan dan keselamatan. Selain daripada itu, setiap elemen yang dicadangkan menyerlahkan nilai-nilai estetika reka bentuk dengan menggalakkan penggunaan garis lurus, warna yang pelbagai juga penggunaan cahaya untuk menonjolkan keunikan dan estetika elemen tersebut. Ini secara tidak langsung dapat menyerlahkan penggunaan lima deria manusia iaitu deria penglihatan, bau, rasa, bunyi dan sentuhan. Prinsip ini menggalakkan integrasi sosial dan rohani antara manusia dan alam sekitar. Integrasi sosial bermaksud kesepaduan antara manusia sebagai pengguna taman dan amal sekitar. Ia penting bagi mewujudkan keadaan saling bergantung antara manusia dan alam sekitar. Ini adalah kerana, alam sekitar ditakrifkan sebagai “alam ciptaan Tuhan yang meliputi segala aspek yang terdapat di sekeliling manusia”. Oleh kerana manusia yang ada di muka bumi adalah khalifah maka manusia bertanggungjawab menjaga, memelihara dan memulihara alam sekitar bagi mengekalkan keseimbangan alam sekitar.<sup>14</sup> Ini adalah kerana spesies manusia, tumbuhan dan haiwan adalah saling berinteraksi bagi mewujudkan keseimbangan alam.

Prinsip dimensi sosio-budaya ini lebih menjurus kepada penyepaduan yang memberi tumpuan kepada unsur kerohanian dengan memberi tempat yang khusus kepada peranan manusia dalam menganalisis unsur kognitif, kemahiran, sikap dan nilai yang menjadi realiti dalam keperluan asas dan tujuan hidup bagi menghargai alam sekitar. Prinsip ini juga memfokuskan kepada integrasi seni bagi meningkatkan keupayaan rohani sesuatu taman penyembuhan yang dibina. Pereka bentuk perlu mencadangkan aktiviti yang mampu membangkitkan nilai-nilai positif dalam diri pengguna taman dan menjadikan ia satu tarikan kepada pengunjung. Ini termasuklah faktor-

faktor keselamatan, ruang privasi kepada sesiapa yang inginkan ruang untuk bersendirian. Setiap cadangan pembangunan dalam taman penyembuhan ini menyediakan keseronokan kepada pengguna sama ada daripada segi mental mahupun fizikal.

### 3. Prinsip dimensi ekonomi


Prinsip dimensi ekonomi adalah salah satu prinsip ketiga dalam pembinaan taman penyembuhan. Cadangan pembinaan taman penyembuhan tidak hanya dapat menarik pengunjung dalam negara menikmati keunikan taman tersebut malahan ia mampu menarik pelancong luar negara bagi meningkatkan taraf ekonomi. Ini adalah kerana sektor pelancongan, merupakan penyumbang ketiga terbesar terhadap ekonomi negara selepas sektor pembuatan dan kelapa sawit. Sektor ini banyak membuka peluang pekerjaan serta perniagaan kepada rakyat.<sup>15</sup> Industri pelancongan bukan sahaja menggalakkan penggiat industri ini mengembangkan luas perniagaan termasuk dalam sektor perkhidmatan, yang menjana pendapatan dan aktiviti ekonomi negara, tetapi turut menjadi jambatan hubungan antara rakyat dengan rakyat. Sehubungan dengan itu, salah satu cara mengembangkan industri ini adalah menerusi pembinaan taman penyembuhan. Ia tidak sekadar membantu golongan yang memerlukan ketegangan fikiran malah ia dapat menjadi daya tarikan. Ini adalah kerana, sesebuah negara yang berjaya memanipulasikan panorama persekitaran yang cantik, tinggalan sejarah, keunikan budaya, kemajuan ekonomi, peluang pendidikan dan rawatan, serta penganjuran acara bertaraf antarabangsa akan menarik kadar ketibaan pelancong yang tinggi dari serata pelosok dunia. Sektor pelancongan bukan sahaja muncul sebagai penyumbang besar pendapatan negara, bahkan menjana kesan pengganda yang besar dalam kegiatan ekonomi. Peluang pekerjaan dan penyelidikan dalam bidang pelancongan juga dapat dikembangkan secara lebih agresif.

Pembinaan taman penyembuhan atau "*Healing Garden*" ini tidak hanya dapat meningkatkan pendapatan malah ia dapat mengeratkan hubungan manusia dengan alam sekitar di samping manusia mendapat manfaat yang bijak. Sebagai pereka bentuk landskap yang bijak, faktor ekonomi menjadi salah satu aspek yang difikirkan semasa proses perancangan awal pembinaan taman penyembuhan ini.

### 4. Prinsip dimensi Institusi

Prinsip yang keempat ini adalah prinsip yang mengetengahkan dimensi institusi. Menerusi aspek ini, peningkatan sesuatu institusi boleh berlaku dengan pembinaan taman penyembuhan atau "*healing garden*" dapat melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam proses penciptaan. Sebagai contoh; pembinaan taman penyembuhan boleh menaikkan nama syarikat yang membina sekali gus nama pereka bentuk yang terlibat. Secara tidak langsung ia telah menaikkan nama syarikat, individu, kontraktor landskap

dan seterusnya tempat dan negara. Melihat kepada pertumbuhan pelbagai syarikat landskap masa kini, adalah tidak mustahil dengan pembinaan taman penyembuhan ini ia dapat menaikkan nama salah satu syarikat atau institusi. Institusi bertanggungjawab untuk memastikan taman yang dibina mempunyai pengurusan dan penyelenggaraan yang berterusan bagi memberikan manfaat secara berterusan kepada pengunjung. Selain daripada itu, institusi juga berperanan sebagai pengantara mengikut fungsi keadaan.



Rajah 6.7 Taman Penyembuhan atau "Healing Garden".

## Kesimpulan

Tanpa mengira usia atau budaya, manusia mencari pemulihan alam semula jadi. Dalam satu kajian, mendapati bahawa lebih dua pertiga daripada individu memilih suasana semula jadi untuk berundur apabila tertekan. Dalam kajian yang lain, 95 % daripada mereka berkata 'mood' mereka bertambah baik selepas menghabiskan masa di luar, berubah dari tertekan, dan cemas untuk lebih tenang dan seimbang.<sup>16</sup>

Lazimnya, apabila manusia mengalami tekanan, imej alam dengan cepat dapat menghasilkan kesan yang menenangkan. Dalam masa tiga hingga empat minit selepas melihat adegan alam semula jadi, tekanan darah, kadar pernafasan, aktiviti otak, dan pengeluaran hormon tekanan menurun dan semua 'mood' bertambah baik. Ini secara tidak langsung mempunyai kelebihan evolusi kerana ia membolehkan manusia untuk pulih dan memulihkan tenaga dengan cepat. Keupayaan untuk pulih daripada tekanan dengan cepat dan bersedia untuk bertindak balas terhadap ancaman baru adalah penting untuk terus hidup. Justeru, hubungan antara manusia dengan alam sekitar adalah sesuatu yang tidak boleh dipisahkan.



Alam juga asasnya dikaitkan dengan kerohanian manusia. Dalam alam semula jadi, manusia merasakan bagaimana disambungkan kepada sesuatu yang dapat mengatasi diri sendiri dan memahami saling pergantungan antara manusia dan makhluk hidup yang lain. Manusia digalakkan untuk sentiasa menghayati, merenung dan sentiasa menyedari kewujudannya. Alam sekitar menyediakan ruang di mana manusia terhubung-kait daripada segi rohani mahupun jasmani.

Alam mengurangkan tekanan dan kebimbangan. Satu penjelasan untuk ini adalah alam menyediakan penangguhan daripada usaha berterusan untuk menapis rangsangan bersaing dalam kehidupan kita yang sibuk. Ini adalah kerana manusia sentiasa mencari sifat yang mengasyikkan, kita tidak perlu membuat satu usaha untuk memberi tumpuan apabila dibentangkan dengan pemandangan semula jadi. Ini secara tidak langsung, dapat mengurangkan keletihan mental dan menyegarkan minda kepada sesiapa yang melihat.

Selain daripada itu, tumbuh-tumbuhan menawarkan keselesaan psikologi. Tumbuhan menghilangkan kebimbangan dan ketegangan kepada manusia serta-merta dengan bunyian air dan angin yang berdesir melangkaui dedaun rimbunan pokok, warna-warni bunga yang mekar, haruman bunga melur, kemboja, cempaka dan yang pelbagai spesies yang lain dapat memberikan satu rasa yang berbeza, rimbunan dedaun yang pelbagai rupa dan saiz, dapat memberikan rangsangan apabila disentuh. Kesemua pernyataan ini jelas dapat memberikan kesan secara psikologi terhadap seseorang individu tersebut.

Taman menyediakan faedah daripada aspek psikologi, sosial, fizikal, emosi, dan rohani kepada manusia. Sebahagian besar daripada ini adalah kerana reaksi positif manusia mempunyai sifat inginkan perubahan positif dalam diri dan fikiran, jadi adalah penting untuk taman-taman penyembuhan untuk mempunyai banyak tumbuh-tumbuhan hijau, bunga, dan elemen-elemen air.

Taman juga boleh direka untuk mempromosi dan menggalakkan aktiviti-aktiviti yang terus memberikan manfaat kepada pesakit, seperti menggalakkan senaman. Ini penting kerana selain daripada manfaat fizikal, meskipun senaman ringan, ia mampu menaikkan '*mood*'. Taman juga menawarkan destinasi yang dikehendaki yang mengajak pengunjung lain untuk berjalan bersama dan memberi motivasi kepada orang lain untuk menerokai suasana taman dan tujuan tersebut. Taman boleh menggalakkan ketenangan dan kesejahteraan rohani. Bagi kebanyakan individu yang mempunyai sifat dan mampu berinteraksi dengan alam semula jadi, membawa rasa kedamaian, ketenangan, dan perasaan keberkaitan dengan diri, orang lain dan kuasa yang lebih tinggi.

Taman boleh menggalakkan interaksi sosial. Sokongan sosial meningkatkan fungsi imun, menggalakkan '*mood*' yang lebih baik dan menghasilkan rawatan pemulihan yang lebih baik. Taman-taman boleh menggalakkan interaksi ini jika mereka mudah diakses kepada pesakit, keluarga dan kakitangan

Taman dapat meningkatkan rasa kawalan. Kita perlu merasakan bahawa kita mempunyai pilihan tentang apa yang boleh kita lakukan. Taman-taman boleh meningkatkan rasa kawalan jika mereka menawarkan pelbagai ruang untuk dipilih beberapa ruang yang disediakan sama ada ruang tertutup atau terbuka, ada yang cerah, ada rendang, beberapa ruang dengan latar belakang bunyian semula jadi.

Taman dapat mengurangkan tekanan, dan menggalakkan rasa kesejahteraan. Ini membawa kepada psikologi, fisiologi dan tingkah laku faedah yang bernilai, seperti kebimbangan dikurangkan, kesedihan, dan perasaan negatif yang lain, tekanan darah rendah dan berfungsi sebagai ubat untuk bertambah baik. Ini adalah kerana ia mempunyai tumbuh-tumbuhan sebenar yang bersifat hijau, bunga, dan mungkin satu elemen air yang tenang. Sebuah taman penuh dengan ukiran dan struktur tidak akan menawarkan manfaat penyembuhan semula jadi. Taman-taman penyembuhan juga harus terletak jauh daripada bunyian di bandar atau bunyi mekanikal yang kuat yang boleh mengganggu kitaran habitat semula jadi dalam sesuatu taman.

Taman penyembuhan boleh diklasifikasikan sebagai terapi fizikal dan minda. Bagi memastikan kedua-dua elemen ini berfungsi dengan cemerlang maka rehat yang cukup amatlah diperlukan. Keindahan pemandangan taman serta elemen bunyian seperti jatuhan air memberikan ketenangan jiwa. Fungsi taman penyembuhan atau “*Healing Garden*” boleh diaplikasikan kepada mana-mana cadangan pembangunan taman masa kini dan harus dijadikan sebagai asas dalam menyusun aktiviti dalam sesuatu pembinaan taman. Justeru itu, adalah satu sumbangan besar kepada masyarakat dan negara jika taman bersifat penyembuhan ini diperbanyakkan pembinaannya dan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia.

## Nota Hujung

- <sup>1</sup> Allahyarham Tan Sri P Ramlee, lirik lagu “Tanya Sama Pokok”.
- <sup>2</sup> Ann Marie, V.D.Z., Steven, N. R. (2008). *Landscape Design-Theory and Application*, New York: Cet. 7, m/s. 126.
- <sup>3</sup> Dave, S. (2011). *Neighbourhood Density and Social Sustainability in Cities of Developing Countries*. *Sust. Dev.* 19, 189-205.
- <sup>4</sup> Roslinda Ghazali, Mohamed Yusoff Abas, Nenzat Jalalkamali, (2013). “Healing Environment in Paediatric Wards: From research to practice”, *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Vol. 105, 229 – 238.
- <sup>5</sup> Vapaa, A. G. (2002). *Healing Gardens: Creating Places for Restoration, Meditation and Sanctuary: What are defining characteristics that make a healing garden?* A thesis for Master’s of Landscape Architecture. College of Architecture and Urban Studies. Virginia Polytechnic Institute and State University.
- <sup>6</sup> Rawlings, R. (1998). *Healing Gardens: Aromatherapy – Feng Shui – Holistic Gardening – Herbalism – Color Therapy – Meditation*. USA: Willow Creek Press.
- <sup>7</sup> *Harian Metro*, “Rangsang Lima Deria”, 23 Februari 2014.
- <sup>8</sup> Universiti Putra Malaysia (UPM), *Master Senibina Landskap*, Laman Portal Fakulti Rekabentuk dan Senibina. Dilihat pada 2 Februari 2014 dari <http://www.frsb.upm.edu.my/index.php?lang=bn>.
- <sup>9</sup> Vapaa, A. G. (2002). Ibid.
- <sup>10</sup> Vapaa, A. G. (2002). Ibid.
- <sup>11</sup> Marcus, C. C & Barnes, M. (1999), *Healing Garden: Therapeutic Benefit and Design Recommendations*, New York: John Wiley & Sons.
- <sup>12</sup> Ibid.
- <sup>13</sup> Morse, S., Vogiatzakis, L. and Griffiths, G. (2011), “Space and Sustainability: Potential for Landscape as a Spatial Unit for Assessing Sustainability”, *Sustainable Development*, Vol. 19, m/s. 30-48.
- <sup>14</sup> Abu Bakar Yang, (1998). *Alam Sekitar Anugerah Tuhan*. Kuala Lumpur: Institut Kemajuan Islam Malaysia.
- <sup>15</sup> Abdullah Mohammad, (2012). “Sektor pelancongan menjana aktiviti ekonomi”, *The Malaysian Times*, 20 November 2012.
- <sup>16</sup> Marcus, C. C and Barnes, M. (1999). Ibid.

## Rujukan

- Abdullah Mohammad, (2012). "Sektor pelancongan menjana aktiviti ekonomi", *The Malaysian Times*, 20 November 2012.
- Abu Bakar Yang, (1998). *Alam Sekitar Anugerah Tuhan*. Kuala Lumpur: Institut Kemajuan Islam Malaysia.
- Ann Marie, V.D.Z., Steven, N. R. ( 2008). *Landscape Design-Theory and Application*, New York: Cet. 7, m/s. 126.
- Dave,S. (2011). *Neighbourhood Density and Social Sustainability in Cities of Developing Countries*. *Sust. Dev.* 19,189-205.
- Harian Metro*, "Rangsang Lima Deria", 23 Februari 2014.
- Marcus, C. C & Barnes, M. (1999), *Healing Garden:Therapeutic Benefit and Design Recommendations*, New York: John Wiley & Sons.
- Morse, S., Vogiatzakis, L. and Griffiths, G. (2011), "Space and Sustainability: Potential for Landscape as a Spatial Unit for Assessing Sustainability", *Sustainable Development*, Vol. 19, m/s. 30-48.
- Roslinda Ghazali, Mohamed Yusoff Abas, Nenzat Jalalkamali, (2013). "Healing Environment in Paediatric Wards:From research to practice", *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Vol. 105, 229 – 238.
- Rawlings, R. (1998). *Healing Gardens: Aromatherapy – Feng Shui – Holistic Gardening – Herbalism – Color Therapy – Meditation*. USA: Willow Creek Press.
- Tan Sri P Ramlee, lirik lagu "Tanya Sama Pokok".  
Universiti Putra Malaysia (UPM), *Master Senibina Landskap*, Laman Portal Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Dilihat pada 2 Februari 2014 dari <http://www.frsb.upm.edu.my/index.php?lang=bm>.
- Vapaa, A. G. (2002). *Healing Gardens: Creating Places for Restoration, Meditation and Sanctuary: What are defining characteristics that make a healing garden?* A thesis for Master's of Landscape Architecture. College of Architecture and Urban Studies. Virginia Polytechnic Institute and State University.